

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 30 NOVEMBER 2023

AKHBAR : ASTRO AWANI

PAUTAN : <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/dasar-gaji-progresif-beri-manfaat-kepada-105-juta-pekerja-rafizi-448206>

Dasar Gaji Progresif beri manfaat kepada 1.05 juta pekerja - Rafizi



Rafizi berkata, pelaksanaan inisiatif itu dijangka memberi nilai tambahan kepada keluaran dalam negara kasar (KDNK) sebanyak RM3.3 bilion - Foto fail

KUALA LUMPUR: Dasar Gaji Progresif dijangka memberi manfaat kepada 1.05 juta pekerja, dengan andaian pemberian insentif daripada kerajaan sebanyak RM2 bilion. Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli berkata, pelaksanaan inisiatif itu juga dijangka memberi nilai tambahan kepada keluaran dalam negara kasar (KDNK) sebanyak RM3.3 bilion.

Selain itu, beliau menjangkakan tambahan kepada caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) sebanyak RM790 juta, dan hasil cukai pendapatan sebanyak dijangka RM1.8 bilion pada tahun pelaksanaan.

"(Ia dicapai) dengan tambahan 37,529 orang pembayar cukai pendapatan baharu pada tahun pertama pelaksanaan. "Konsepnya apabila kita naik gaji pekerja, lebih ramai pekerja akan berbelanja, lebih ramai yang membayar cukai kerana ia melepaskan had

pelepasan cukai dan sudah tentu KWSP akan meningkat.

"Kenaikan gaji dijangka meningkatkan kuasa beli pekerja yang akan memberikan kesan pengganda kepada penggunaan dan pelaburan swasta. "Kenaikan gaji pekerja juga akan memberi kesan positif dari segi peningkatan produktiviti dan pengurangan kadar pengangguran, di samping menambah baik bahagian pampasan pekerja kepada KDNK," katanya di Dewan Rakyat pada Khamis.

Rafizi berkata demikian ketika membentangkan Kertas Putih Cadangan Dasar Gaji Progresif hari ini.